

Cuba mendapat tempat dengan
cara yang baik dan perlahan

151

Kita macam

Negro

— Mahathir

U.M. 14 APR 1

KUALA LUMPUR 13 April — Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mensekat kedudukan bumiputera di Malaysia sama seperti kedudukan orang-orang Negro yang ketinggalan di Amerika.

Tetapi di sini orang-orang hitam berkuasa dan inilah yang paling tidak menyenangkan," katanya di dalam satu temuramah dengan majalah Far Eastern Economic Review keluaran terbaru.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa kerana perjuangan merekalah, maka orang-orang hitam mendapat tempat yang tidak pernah mereka capai sebelum ini.

"Inilah yang kita usahakan di sini — bukan dengan mengambil kepunyaan orang lain, tetapi mendapatkan tempat bagi kami di sini."

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan tidak ada sebuah negarapun yang pernah membuat percubaan seperti Malaysia.

"Kami melaksanakan usaha ini dengan baik dan secara perlahan," ujarnya lagi sambil menambah: "Saya bukanlah anti Cina dalam apa perkara pun, tetapi saya rasa orang Melayu mestilah mempunyai satu tempat di bawah bumbung langit ini, kalau tidak maka akan berlaku kecelakaan yang tidak akan mendatangkan kebaikan kepada sesiapapun.

Beliau mengakui wujudnya sedikit sebanyak rasa tidak senang di kala-

ngan rakyat di Malaysia sekarang termasuk oleh orang Melayu sendiri.

"Tentulah saya lebih memaklumi akan kepedihan yang dirasakan oleh masyarakat Melayu di samping saya juga sedar tentang rasa tidak senang orang-orang Cina.

"Rakan-rakan Cina saya melahirkan perasaan yang ada pada orang Cina, saya berbincang dengan mereka, saya mendapat laporan dan saya juga tidak kurang mendengar pendapat mereka," katanya.

Timbalan Perdana Menteri seterusnya memberitahu: "Kami, Melayu, Cina dan India dalam kerajaan cuba mencari jalan tengah dan sebagai akibatnya kami diketuk oleh semua pihak.

Sentiasa timbul

Tetapi, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau sering berpegang kepada pendapat bahawa sekiranya tidak satu kaum pun di Malaysia merasa senang dengan dasar yang ada, ini menunjukkan bahawa kerajaan bertindak dengan betul dan adil.

Jelas beliau, sekiranya kerajaan cuba bertindak berat sebelah, tentulah orang Melayu sahaja yang bergembira dan senang dengan dasar yang ada.

Beliau mengakui bahawa sepanjang proses pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, sentiasa timbul kata-kata bahawa dasar tersebut cuma untuk bumiputera dan kerana itu orang Cina menentanginya.

Tetapi, tanya Datuk Sri Dr. Mahathir pula: "Siapakah yang menjalankan perniagaan di gedung-gedung perniagaan di Kuala Lumpur yang dibina oleh UDA, sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah DEB?"

"Tetapi kenapa orang lain — orang Cina dan India — tidak nampak bahawa mereka telah mendapat keuntungan dari Dasar Ekonomi Baru.

Bilangan

"Saya boleh memberikan bilangan jutawan-jutawan yang berkongsi dengan UDA dalam membangunkan projek-projek perumahan.

"Berapa juta ringgit yang telah mereka buat?" tanya Datuk Sri Dr. Mahathir lagi dan terus menambah:

"Kenapa kita tidak memberi penilaian yang adil terhadap Dasar Ekonomi Baru?"